



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat **Negeri Terengganu** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia kod 220801 (Kawalan Keselamatan - Perlu Lesen KDN) dan tajuk masih berkuatkuasa dibenarkan membuat tawaran bagi tajuk berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	HARGA DOKUMEN	TEMPOH JUALAN & TARIKH TUTUP
MBKT SH 16/2026	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BENGKEL CHENDERING, KUALA TERENGGANU DAN KAWASAN PERSEKITARAN.	RM20.00	07/04/2026 (Selasa) hingga 14/4/2026 (Selasa) Tutup Sebutharga : 15/04/2026 (Rabu)

2. Syarikat-syarikat atau penyebut harga diwajibkan membawa sijil asal dan mengemukakan sesalinan sijil-sijil yang berkaitan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sijil-sijil berkenaan mestilah sah laku tempohnya. Hanya penama yang tercatat pada sijil Kementerian Kewangan sahaja layak membeli dokumen sebutharga tersebut.

3. Bayaran untuk Dokumen Sebut Harga boleh dibuat dalam bentuk Tunai / Deraf Bank / Money Order atas nama Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Bayaran ini tidak dikembalikan.

4. Dokumen sebutharga ini boleh dibeli dengan harga sebagaimana yang tersebut diatas di **Tingkat 18, Menara MBKT, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan** Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, pada waktu pejabat. Dokumen ini akan mula dijual pada hari **Selasa, 7 April 2026** hingga **Selasa, 14 April 2026**.

5. Sebutharga ini akan ditutup pada hari **Rabu, 15 April 2026**. Dokumen Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan tajuk dan no. Sebutharga berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Tingkat 18**, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.

6. Syarikat **WAJIB** mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia semasa menghantar Dokumen Sebut Harga.

7. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.

8. Penyebut Harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebut harga tamat akan disyorkan untuk diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

(**HAJI LIZAN BIN CHE MAT**)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu